

Nama: _____ Kelas: _____

Kenaikan harga barangan di pasaran pada masa sekarang begitu ketara. Sebagai pengguna kita perlu bijak berbelanja supaya kewangan kita dapat diurus dengan baik.

Bincangkan cara-cara untuk menjadi seorang pengguna yang bijak. (Susun semula karangan kemudian salin dalam buku karangan.)

Akhir sekali, pengguna yang bijak tidak akan berbelanja di kawasan-kawasan mewah. Pengguna tidak harus mengutamakan jenama sahaja. Sikap terlalu mengutamakan jenama yang membawa pengguna berbelanja besar. Konsep hidup sederhana dan tidak mementingkan aspek kebendaan membolehkan kehidupan pengguna lebih selesa dan tenang tanpa sebarang masalah kewangan pula.

Antara cara menjadi pengguna yang bijak termasuklah pengguna mestilah berjimat cermat. Kita hanya perlu membeli barangan yang benar-benar perlu dan tidak membazir. Pada masa yang sama barangan yang boleh digunakan semula janganlah dibuang begitu sahaja. Jelaslah, amalan berjimat cermat juga merupakan satu amalan yang mulia yang harus dimiliki oleh semua pengguna.

Masalah kenaikan harga barangan sememangnya begitu ketara pada masa kini terutama di kawasan urbanisasi. Sebagai pengguna kita perlu memiliki sifat-sifat pengguna yang bijak untuk berupaya mengharungi kehidupan sebegini. Maka, kita mempunyai kuasa untuk menentukan barangan itu perlu atau sebaliknya dalam menjalani kehidupan harian itu. Terdapat banyak cara untuk menjadi seorang pengguna yang bijak.

Kesimpulannya, masalah kenaikan harga barang ini boleh diatasi jika pengguna menggunakan akal fikiran ketika berbelanja. Semua perbelanjaan yang dirancang akan mampu memberikan lebih banyak manfaat kepada pengguna. Sikap pengguna yang menentukan kejayaan mereka dalam mengharungi kemelut kenaikan harga barang bak kata peribahasa ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.

Selain itu, pengguna boleh mengamalkan amalan menabung sejak muda. Sikap menabung ini boleh menjadi satu kaedah simpanan pada hari depan yang turut boleh dimanfaatkan oleh anak-anak terutama ketika mereka ingin melanjutkan pelajaran mereka kelak. Menabung memberikan satu jaminan kehidupan yang lebih baik kepada pengguna kerana kehidupan ini sukar diduga masa depannya.